

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah daerah yang telah dinaik taraf capaian internet di Sabah pada tahun ini dan yang akan dinaik taraf pada tahun hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat terutama di negeri Sabah menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Setakat bulan September 2020, antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar di Sabah adalah seperti berikut:

- a. sebanyak 444 menara baharu telah siap dibina dan telah beroperasi di 26 daerah seluruh Sabah. Sejumlah 61 menara baharu pula sedang dalam peringkat pelaksanaan di 15 daerah

SOALAN NO : 27

di sekitar negeri Sabah bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G. Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021;

- b. sebanyak 1,166 alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada meliputi sembilan (9) daerah telah siap dinaiktaraf manakala, baki empat (4) alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada di Bahagian Pantai Barat sedang dalam peringkat penaiktarafan ke perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G; dan
- c. sebanyak 44,713 sambungan jalur lebar talian tetap di pinggir bandar di 22 daerah telah siap sepenuhnya.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diumumkan pada 29 Ogos 2020 lalu, untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih sejumlah 425 menara baharu akan dibina di negeri Sabah. Dari jumlah ini, 41 menara baharu akan dibina pada tahun 2020 dan 115 pada tahun 2021. Manakala sebanyak 2,202 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G, termasuk 1,278 alat pemancar akan dinaik taraf pada tahun ini dan 924 alat pemancar akan di naik taraf pada tahun 2021.

Sebagai tambahan, bagi jalur lebar talian tetap pula, sebanyak 190,115 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan gigabit melalui rangkaian gentian optik termasuk 41,227 premis akan dilaksanakan pada tahun ini dan 82,628 premis akan dilaksanakan pada tahun 2021.

Walaupun bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.